

JKSPK. ( ).....

31



**PERLEMBAGAAN  
MAJLIS BERSAMA JABATAN  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI  
PERAK DARUL RIDZUAN.**

**“SYARIAH ASAS KEADILAN”**

**Jabatan Kehakiman Syariah Perak  
Aras 4, Bangunan Tabung Haji,  
Jalan Koo Chong Kong,  
30000 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.**

Laman Web: <http://syariah.perak.gov.my/mukadepan.html>

**PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI  
PERAK DARUL RIDZUAN.**

**KEAHLIAN**

1. Majlis Bersama Jabatan Bagi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak Darul Ridzuan (selepas ini disebut sebagai "Majlis") hendaklah mengandungi (19) ahli termasuk Pengurus, Naib Pengurus dan Setiausaha – Setiausaha yang terdiri daripada (7) ahli yang dilantik oleh Ketua Jabatan (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pegawai" ) dan (12) ahli yang dipilih oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan – persatuan Kakitangan yang mewakili pekerja – pekerja di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak atau pekerja – pekerja itu sendiri (selepas ini disebut sebagai " Pihak Pekerja" )

**PIHAK PEGAWAI**

1. Ahli-ahli bagi 'Pihak Pegawai' hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Kehakiman Syariah Perak seperti berikut:-
 

1.1	Ketua Hakim Syarie L.S. 54/52	- Pengurus MBJ
1.2	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah L.S. 52	- Ahli
1.3	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah L.S. 48	- Ahli
1.3	Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah L.S. 48	- Ahli
1.4	Hakim Mahkamah Rendah Syariah L.S. 44	- Ahli
1.5	Penolong Pegawai Tadbir ( Kanan ) N 32	- Setiausaha MBJ
1.6	Penolong Pegawai Syariah L.S. 27	- Ahli
1.7	Penolong Pegawai Sistem Maklumat F 29	- Ahli

## **PIHAK PEKERJA**

3. Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja di dalam JKSPk dan dilantik oleh pekerja-pekerja yang berkhidmat di JKSPk. Pemilihan ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah mengikut peraturan-peraturan seperti di bawah:-
  - 3.1 Sekurang-kurangnya seorang wakil daripada setiap gred jawatan di JKSPk. Pemilihan ini hendaklah dibuat oleh pekerja-pekerja di kalangan gred jawatan itu sendiri.
  - 3.2 Bagi gred jawatan yang hanya seorang penjawat maka dengan sendirinya terpilih menjadi ahli bagi pihak pekerja.
  - 3.3 Pemilihan Pengerusi dan Setiausaha bagi Pihak Pekerja akan dibuat di dalam mesyuarat pertama yang akan dipanggil oleh Setiausaha Pihak Pegawai.
  - 3.4 Pelantikan ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
4. Kekosongan yang berlaku di dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon-calon daripada pekerja-pekerja yang melantik wakil yang mengosongkan jawatan itu.
5. Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun mulai daripada tarikh pelantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/dipilih.

**6. Ahli-Ahli Pihak Pekerja adalah seperti berikut:**

**6.1 Hakim Mahkamah Rendah Syariah LS 41 – Pengerusi Pihak Pekerja**

( N.Pengerusi MBJ)

**6.2 Penolong Pendaftar LS 27** - seorang *laki*

**6.3 Pembantu Pendaftar LS 17** - 2 orang *ayah*

**6.4 Pembantu Tadbir N 17** - seorang *kek laki*

**6.5 Pembantu Kewangan W 17** - seorang

**6.6 Pembantu Tadbir Rendah N 9** - seorang

**6.7 Bailif** - seorang

**6.8 Operator Mesin Prosesan Data F.11** - seorang

**6.9 Penghantar Notis N. 3** - 2 orang ✓

**6.9 Pemandu R. 3** - seorang

**6.10 Pembantu Am Rendah N. 1** - seorang

**Jumlah :** - 12 orang

**PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS**

**7. Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada ahli yang dipilih dan menjadi Pengerusi ahli Pihak Pekerja. Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja menjadi Setiausaha Bersama bagi Majlis ini.**

**TUJUAN**

**8. Tujuan Majlis adalah seperti berikut:-**

**8.1 Untuk memperoleh seluas-luasnya kerjasama antara JKSPk dengan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji di dalam JKSPk, dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelincinan kerja dan kebijakan pekerja-pekerja yang berkenaan;**

- 8.2 Untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja; dan
- 8.3 Untuk mengumpul berbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam.

## **BIDANG DAN FUNGSI**

9. Bidang dan fungsi majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis yang mana adalah seperti berikut:-
  - (9.1) Membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada berkaitan dengan pentadbiran yang berkenaan kecuali semua perkara mengenai pekerja-pekerja perseorangan;
  - (9.2) Membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggung jawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan;
  - (9.3) Mengalakkan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapat pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran berbagai Jabatan ; dan

- (9.4) Mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara itu.

### **MESYUARAT-MESYUARAT**

10. Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.
11. Korum bagi mesyuarat Majlis hendaklah terdiri daripada 5 ahli Pihak Pegawai dan 7 ahli Pihak Pekerja.
12. Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.
13. Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengenusi dan Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat tersebut.

### **KEPUTUSAN**

14. Segala keputusan-keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan antara kedua-dua belah pihak.
15. Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan-jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan bolehlah disenggarakan atau dilaksanakan terus oleh Jabatan Kehakiman Syariah Perak. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan

dasar Kerajaan ataupun dengan Jabatan-jabatan lain ia hendaklah dirujukkan kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan.

### PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

16. Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana satu mesyuarat Majlis. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan Perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipersetujui dan diluluskan.

(Perlembagaan MBJ-JKSPk 1/2004)

Diluluskan oleh Mesyuarat MBJ-JSPk Bil. 1/2004  
Pada 09 Oktober 2004

WAKIL WAKIL KERJA

- 7) **Pembantu Pendektar L.S 17**
- 5) **Rasidah bt Abdul Muin**  
**Pembantu Tadbir N. 17**
- 6) **Axizul Rahman b. Hasni**  
**Pembantu Tadbir Kawangan W. 17**
- 7) **Ariffin b Alen**  
**Bellif**
- 8) **Rozita bt Nayan**  
**Operator Mesin Prosesan Data F.11**
- 9) **Mat Salleh b. Ismail**  
**Penghantar Notis N. 3**
- 10) **Haris b. Mohamad Noor**  
**Penghantar Notis N. 3**
- 11) **Malik Rodzuan b. Bashah**  
**Pemandu Kenderaan Bermotor R. 3**
- 12) **Hj. Zakaria b. Md. Yusop**  
**Pembantu Am Rendah N. 1**

## **STRUKTUR ORGANISASI MBJ**

